

PEKERJAAN DAN SIFAT AMANAH

Dr Rashidi Abbas

Pengarah

Pusat Islam dan Pembangunan Insan

UMP

Pahang rugi hasil cukai RM30 juta akibat penanaman durian haram. (Sinar Harian, 11 Ogos 2020)

Berikut adalah petikan yang memaparkan kisah bagaimana penerokaan tanah secara haram berleluasa di daerah Raub baru-baru ini. Apa signifikannya kes ini dengan kita umat Islam? Apa relevannya persoalan ini terutamanya dengan bangsa Melayu? Melayu dan agama berpisah tiada, kerana kedua-dua entiti ini berperanan sebagai benteng dari melakukan perkara-perkara yang bersalahan dari segi undang-undang negara dan agama secara khususnya. Perkataan Melayu mempunyai erti yang sangat unik kerana mencerminkan tatasusila yang penuh sopan-santun dihiasi pula dengan panduan agama yang lengkap, akan melahirkan kehidupan yang sejahtera dan aman sentosa di bawah payung Duli Tuanku. Di bawah ini disertakan salah satu dalil yang sangat jelas dan nyata dari Allah SWT yang melarang mengambil harta dengan cara yang batil iaitu cara tidak sah dari segi undang-undang negara dan dari aspek agama Islam itu sendiri.

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَاْكُلُوْا اَمْوَالِكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبٰطِلِ اِلَّا اَنْ
تَكُوْنَ تِجْرَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوْا اَنْفُسَكُمْ اِنَّ اللّٰهَ كَانَ بِكُمْ

رَحِيْمًا ﴿٢٩﴾

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu. (An-Nisaa' 4:29)

Kita dicipta oleh Allah SWT dengan tanggungjawab untuk dipikul sehingga nafas terhenti, yang boleh diterjemahkan tugasnya sebagai khalifah di bumi secara umumnya. Kita mempunyai amanah kepada Allah SWT, amanah kepada Rasulullah SAW, amanah kepada keluarga (anak-anak, isteri, lain-lain tanggungan), amanah kepada masyarakat, amanah kepada negara dan amanah kepada diri sendiri. Amanah kepada diri sendiri adalah kita perlu jujur dalam tugas yang digalas sesuai dengan jawatan yang diberikan. Sekiranya kita sebagai penjawat awam dalam sektor kerajaan kita mesti jujur dalam bekerja dengan mematuhi setiap isi kandungan peraturan yang digubal oleh kerajaan. Jangan sekali-kali cuba mengkhianati amanah yang dipikul dengan habuan dunia yang tidak seberapa sehingga kita akhirnya dihumban ke dalam api neraka Allah SWT. Sekiranya kita sebagai masyarakat awam yang tidak terlibat dengan sektor awam atau swasta tetapi kita masih terikat dengan amanah terhadap negara, masyarakat dan amanah terhadap Allah SWT. Jangan sekali-kali kita berani untuk mengambil harta yang bukan hak kita meskipun kerajaan tidak mengetahui apa yang kita lakukan. Jangan hanya memikirkan habuan dunia semata-mata yang bersifat sementara sehingga mengorbankan kepentingan akhirat yang kekal abadi. Contohilah sifat amanah Rasulullah SAW apabila menyampaikan wahyu dan hidayah dari Allah SWT melalui malaikat Jibril as kepada manusia dengan penuh sifat amanah. Mudah-mudahan kita dipermudahkan oleh Allah SWT untuk melaksanakan tanggungjawab ini dengan sebaik mungkin.